

07/12/2001

Penggubal dasar kurang faham isu HIV/Aids

KUALA LUMPUR, Khamis - Kurang pemahaman mengenai isu HIV/Aids di kalangan penggubal dasar pada peringkat negeri adalah antara punca mereka mengambil tindakan kontroversi seperti mewajibkan ujian HIV/Aids sebelum perkahwinan dan menghalang penjualan kondom secara terbuka.

Menteri Kesihatan, Datuk Chua Jui Meng, berkata walaupun tindakan itu bertujuan baik bagi menangani masalah HIV/Aids khususnya di kalangan remaja di negeri masing-masing, langkah yang diambil tanpa berdasarkan maklumat dan bukti saintifik bukan saja tidak akan mencapai matlamat malah menyebabkan kekeliruan di kalangan masyarakat.

Beliau berkata, langkah kerajaan Johor mewajibkan ujian HIV/Aids sebelum perkahwinan dan halangan penjualan kondom secara terbuka oleh Selangor tidak terbukti dapat mengurangkan kes jangkitan HIV/Aids atau gejala seks bebas di kalangan remaja sebaliknya ia mungkin menimbulkan lebih banyak masalah sosial lain.

Chua bagaimanapun menyalahkan kementerianannya di atas masalah yang timbul itu. Ia menunjukkan kelemahan kementerian menyebarkan maklumat tepat secara berkesan terutama kepada penggubal dasar pada peringkat negeri.

Sehubungan itu, katanya, semua pengarah kesihatan negeri dan pengamal perubatan pada peringkat negeri diarah meningkatkan komunikasi dengan kerajaan negeri bagi memastikan penggubal dasar melaksanakan tindakan yang tepat dan berkesan, selaras pengiktirafan kerajaan, Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO) dan badan antarabangsa lain.

"Pegawai kesihatan adalah golongan yang dianggap paling pakar dan berpengetahuan dalam bidang kesihatan, termasuk HIV/Aids.

"Jika mereka menjalankan tugas dengan cekap dan membekalkan maklumat secukupnya kepada penggubal dasar, khusus mengenai langkah untuk menangani sesuatu masalah kesihatan, saya pasti tindakan seperti yang dilaksanakan di kedua-dua negeri itu tidak akan berlaku," katanya.

Menteri Besar Selangor, Datuk Seri Dr Mohd Khir Toyo, baru-baru ini menyokong cadangan Majlis Belia Selangor (MBS) yang meminta supaya kerajaan negeri menghalang penjualan kondom secara terbuka bagi mengelak generasi muda memperolehnya secara berleluasa kerana dikhuatiri mendorong seks bebas.

Sebelum itu, kerajaan Johor mengumumkan mewajibkan ujian HIV/Aids bagi pasangan yang ingin berkahwin.

Bercakap kepada pemberita selepas menyampaikan ucapan pada forum awam sempena sambutan Hari Aids Sedunia anjuran Majlis Aids Malaysia (MAM), Chua berkata setiap dasar atau peraturan yang hendak diperkenalkan haruslah berdasarkan maklumat serta bukti saintifik dan bukan berdasarkan sikap prejudis penggubal dasar.

Beliau berkata, penggubal dasar tidak boleh melaksanakan sesuatu langkah hanya kerana beranggapan langkah itu dapat menangani masalah sebaliknya berdasarkan data kesihatan dan perubatan.

Sementara itu, Presiden MAM, Datin Paduka Marina Mahathir, berkata halangan penjualan kondom secara terbuka itu tidak terbukti dapat menangani gejala seks bebas di kalangan remaja atau mengurangkan kes HIV/Aids malah mengundang lebih banyak masalah, seperti pembuangan anak dan peningkatan penyakit kelamin lain.

"Bayangkan pada ketika kondom masih dijual secara bebas, kes HIV/Aids semakin meningkat, apa akan terjadi jika kita tidak membenarkan penjualannya? Mengapa mesti kita tentang langkah ini sedangkan WHO dan

badan antarabangsa lain membuktikan penggunaan kondom adalah antara langkah berkesan menangani masalah HIV/Aids," katanya.

(END)